

FPP BizNewz

Jan - May 2023

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

BUKIT MERAH
"THE RED FOREST"
PERMATA TERSEMBUNYI DI JERANTUT

TOXIC FRIENDSHIP
WHEN IT'S TIME TO LET GO

GRADUATES
WHO ARE THE URBAN POOR

ARROWS OF THE FAITHFUL
THE IMPORTANCE OF ARCHERY IN ISLAM

**TWIN-TO-TWIN TRANSFUSION
SYNDROME (TTTS)**



Publication Date
1 June 2023

BUKIT MERAH "THE RED FOREST": PERMATA TERSEMBUNYI DI JERANTUT



BUKIT M "THE RED *Permata Tersembunyi*

MERAH FOREST” *Gunung Di Jerantut*

Oleh:

MAZRATUL FIRDAUS MOHD ZIN¹

SITI RAPIDAH OMAR ALI²

¹Pengajian Kejuruteraan Elektrik

²Fakulti Pengurusan dan Perniagaan

UiTM Cawangan Terengganu

Emel Koresponden: mazratul204@uitm.edu.my

eISSN 2600-9811

41
Photo by Aaron Burdick
on Unsplash

Pada 5 Februari 2022 yang lalu, satu ekspedisi pendakian ke Bukit Buluh "The Red Forest" yang terletak di Felda Padang Piai dalam daerah Jerantut telah diadakan. Kewujudan bukit ini hanya diketahui penduduk setempat sahaja, sehingga ianya tular di media sosial baru-baru ini. Lantaran itu, ianya membuatkan kami terpenggil untuk melihat sendiri keindahan permata tersembunyi tersebut.

Ketinggian bukit ini hanya 371 meter dari paras laut (MDPL) dan jarak pendakian ke puncak lebih kurang 1.2 kilometer dari kaki bukit selepas kawasan kebun kelapa sawit iaitu lebih kurang 1.8 kilometer dari tempat meletak kereta. Pendakian berterusan mencanak sehingga mencapai ketinggian 371 MDPL.

Perjalanan kami mendaki mengambil masa lebih kurang 33 minit. Sampai sahaja di puncak, pemandangan yang tersedia sangat memukau mata yang memandang. Pokok Gelam Merah yang seolah-olah ditanam sepanjang permatang puncak bukit itu berdiri gagah besar dan tinggi. Memang benar kata-kata pendaki yang pernah sampai ke puncak bukit, pemandangan seakan berada dalam filem aksi dan fantasi. Awan dan kabus di sekeliling yang singgah di puncak menambahkan lagi keindahan pemandangan.

Setelah 20 minit berada di puncak untuk mengambil gambar dan menghilangkan penat, kami mula berjalan menuruni bukit. Kami mengambil masa hampir 20 minit untuk sampai di kaki bukit. Walaupun jarak perjalanan pendakian agak pendek dan mengambil masa yang singkat namun, keunikan pokok gelam merah di puncak bukit sangat memberi kepuasan kepada terutamanya pencinta alam ciptaan Tuhan.

...

Rujukan:

<https://www.facebook.com/pahanghive/post/pfbid0fPbo1agz7thv4uTAth3iaM0bthqrv4Uc3GhYI1nZGYuEz7BawMs1zEREUcIMSEI>

<https://ramannegara.travel.com/portfolio/bukit-merah-padang-piai-red-forest/>





BizNewz 2023
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com